

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (DASAR & PENTADBIRAN)

TARIKH: 23 FEBRUARI 2018

MUKA SURAT: 04

Yayasan MBM terima dana RM500,000

Kuala Lumpur: Yayasan Alumni Majlis Belia Malaysia (MBM) menerima peruntukan RM500,000 daripada kerajaan bagi membantu ahli kurang berkemampuan, khususnya untuk penjagaan kesihatan.

Peruntukan itu diumumkan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, ketika berucap pada Majlis Makan Malam Alumni MBM di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam tadi.

Timbalan Perdana Menteri

berkata, ia adalah peruntukan awal sementara menunggu yayasan itu mendapat kelulusan penubuhannya daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

“Difahamkan penubuhan yayasan ini belum mendapat kelulusan. Justeru, saya akan minta (Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan) Datuk Seri Hamzah Zainuddin supaya memperce-

patkan penubuhan (kelulusan) untuk manfaat ahlinya.

Tampung kos perubatan

“Kita berharap dana yang disalurkan itu dapat digunakan bagi menampung kos perubatan mereka (ahli alumni) yang memerlukan serta penjagaan kebajikan ahli yang kurang berkemampuan,” katanya.

Yang turut hadir, isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Hamidah Khamis dan Pre-

siden Alumni MBM, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah.

Bekas presiden serta pimpinan MBM turut hadir, termasuk Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kasim.

Pada majlis itu, Ahmad Zahid turut menyampaikan sumbangan kepada 16 ahli alumni berjumlah RM500 setiap seorang.